

19/01/2001

Pelantikan dua menteri baru disambut baik

KUALA LUMPUR, Khamis - Pemimpin politik dan pelbagai pertubuhan menyambut baik pelantikan dua Menteri, dua Timbalan Menteri dan seorang Setiausaha Parlimen baru yang dianggap mampu menggilap dan memasukkan idea baru dalam pentadbiran kerajaan.

Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob berkata pelantikan baru anggota pentadbiran yang diumumkan semalam akan menambahkan lagi kemantapan barisan kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau yang ditemui pemberita di Kuantan, berkata kementerian khusus untuk menjaga kepentingan wanita juga dapat membantu menyelesaikan banyak perkara yang membabitkan golongan itu.

Di IPOH, Menteri Besar, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, berkata pelantikan ramai menteri, timbalan menteri dan ketua setiausaha parlimen yang berasal dari Perak termasuk Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, membuktikan Kerajaan Pusat memberi pengiktirafan kepada rakyat negeri itu.

"Sebenarnya bukan sahaja menteri tetapi pegawai tinggi kerajaan hari ini pun ramai orang Perak.

"Saya merasakan kerana kerajaan memberi pengiktirafan begitu baik kepada rakyat Perak, wajar penduduk negeri ini membalas kepercayaan serta keyakinan kerajaan itu dengan memberi sokongan hebat kepada program dan aktiviti yang dilaksanakan kerajaan," katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir menyambut baik pelantikan beberapa muka baru dalam Kabinet walaupun tidak membabitkan wakil pergerakan itu.

Katanya, pelantikan berkenaan akan memantapkan lagi barisan Kabinet dan pentadbiran negara.

Bercakap kepada pemberita selepas mengadakan mesyuarat dengan Ketua Pergerakan Pemuda Umno Bahagian Terengganu, beliau yakin pelantikan Abdul Hamid Zainal sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri, akan mempertingkatkan bidang agama.

Beliau juga menyifatkan pelantikan Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai Menteri Hal Ehwal Wanita, sebagai tepat untuk membantu meningkatkan martabat wanita.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Parti Progresif Rakyat (PPP) menganggap pelantikan Presiden parti itu, Senator Datuk M Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sebagai "durian runtuh."

Ketuanya, T Murugiah berkata, pelantikan itu juga menutup syak wasangka beberapa pihak yang menganggap PPP dianaktirikan oleh Barisan Nasional (BN).

"Selepas ini kami percaya PPP akan mendapat nafas baru untuk berkembang, setanding parti komponen BN lain," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

(END)